

**MCA Mahu Asrama Pekerja Asing PKNS Diberi Kepada Rakyat Tempatan
Bernama
9 April, 2013**

PETALING JAYA, 9 April (Bernama) -- MCA Selangor yang membantah projek pembinaan asrama untuk pekerja asing oleh Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) mahu perumahan itu diberi kepada golongan muda tempatan berpendapatan rendah.

Timbalan Pengerusi Biro Pengaduan Awam MCA Selangor Kelvin Chong Seng Foo berkata kebanyakan golongan muda berpendapatan sekitar RM3,500 ke bawah dan tidak mampu memiliki kediaman sendiri.

Asrama itu yang mempunyai 1,500 unit untuk menampung 10,000 pekerja asing adalah sebahagian daripada projek PJ Elevated City yang bernilai RM30 bilion.

"Sepatutnya PKNS membina rumah mampu milik untuk golongan muda di sini dan bukannya projek komersil yang tidak membantu warga tempatan.

"Projek PKNS ini lebih mengutamakan keuntungan dan juga lebih kepada membantu rakyat asing memiliki kediaman," katanya kepada pemberita pada sidang akhbar di Pejabat MCA di sini, hari ini.

Projek PJ Elevated City yang sedang dibangunkan di atas tanah seluas 8.27 hektar dekat Zon Perdagangan Bebas Sungei Way di SS8/6 di sini meliputi pembinaan pejabat, lot perniagaan dan kondominium.

Ketua Biro Pengaduan Awam MCA Selangor Datuk Theng Book yang turut hadir pada sidang akhbar itu berkata projek berkenaan sepatutnya tidak diluluskan oleh kerajaan negeri kerana ketinggian melebihi had 30 tingkat.

"Projek ini bawah anak syarikat kerajaan negeri dan mereka telah meluluskan projek itu walaupun melanggar syarat ketinggian pembinaan bangunan di Selangor.

"Pihak kami berharap agar kerajaan Selangor mengkaji semula projek ini daripada semua sudut supaya dapat menjaga kebajikan rakyat tempatan," katanya.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=940674>